
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

JFP 312 - Kewangan Keusahawanan Dan Modal Teroka

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

SOALAN 1 [20 markah]

Firma modal teroka merupakan firma yang berisiko tinggi, tiada rekod pencapaian yang lepas dan kekurangan aset ketara.

- (a) Berdasarkan ciri-ciri ini, nyatakan **DUA (2)** kaedah untuk mengukur prestasi firma modal teroka.

(4 markah)

- (b) Bincangkan masalah kaedah kadar pulangan dalaman (*internal rate of return*) bagi mengukur prestasi sesebuah firma modal teroka.

(16 markah)

SOALAN 2 [20 markah]

- (a) Prinsip pengurusan firma modal teroka berubah apabila firma ini memasuki fasa operasi berskala besar. Apakah perbezaan prinsip pengurusan firma modal teroka berskala kecil dan berskala besar?

(16 markah)

- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan konsep permintaan dan penawaran bagi firma modal teroka?

(4 markah)

SOALAN 3 [20 markah]

Malaysia, Indonesia dan Thailand mempunyai kitaran ekuiti persendirian yang sama walaupun ciri-ciri ekuiti modal teroka yang agak berbeza. Jelaskan kitaran ekuiti persendirian bagi negara membangun ini dan perbezaannya dengan kitaran ekuiti persendirian bagi negara maju.

(20 markah)

SOALAN 4 [20 markah]

- (a) Antara Saham Terbitan Awam (*Initial Public Offering*) dan pengambilalihan, bagaimanakah kedua-kedua kaedah keluar pasaran ini memberi kesan terhadap firma modal teroka?

(12 markah)

- (b) Saham Terbitan Awam (*Initial Public Offering*) merupakan antara kaedah yang popular dan efisien bagi penamatan firma modal teroka. Jelaskan kelemahan kaedah ini jika firma modal teroka ingin keluar pasaran.

(8 markah)

SOALAN 5 [20 markah]

- (a) Di Malaysia, kerajaan memainkan peranan utama dalam menggalakkan industri modal teroka sejak pertengahan 1980. Apakah langkah-langkah utama yang telah diambil oleh kerajaan Malaysia bagi memajukan industri modal teroka?

(12 markah)

- (b) Apakah cabaran utama bagi perkembangan industri modal teroka di negara-negara membangun?

(8 markah)

SOALAN 6 [20 markah]

Firma modal teroka diuruskan oleh setiap ahli rakan kongsi am yang juga turut menyumbangkan modal ke dalam syarikat. Berdasarkan hierarki struktur organisasi firma modal teroka, terangkan fungsi jawatan dan ciri-ciri penting yang perlu ada pada setiap rakan kongsi yang memegang jawatan tersebut.

(20 markah)